

07 JUL 2002

Pendang-Puteri

PETUGAS BN AKAN BERKEMPEN SECARA BAIK WALAUPUN DIGANGGU PEMBANGKANG

SEREMBAN, 7 Julai (Bernama) -- Petugas jentera Barisan Nasional (BN) khususnya Puteri Umno yang berkempen pada pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit di Kedah tidak akan berkelakuan biadap walaupun diganggu penyokong parti pembangkang seperti yang berlaku pada pilihan raya kecil sebelum ini.

Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berkata petugas BN akan mengikut nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengadakan kempen secara baik sepanjang pilihan raya kecil itu.

"Pekerja BN tidak akan berkelakuan biadap. Kita akan mempunyai tatasusila sebagai anggota masyarakat yang berakal dan kita tak akan ikut hati," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kesihatan dan Kecergasan Generasi Alaf Baru anjuran Puteri Umno dan Kemas Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Katanya berdasarkan pengalaman berkempen pada pilihan raya kecil di Indera Kayangan di Perlis, Ketari di Pahang dan Lunas di Kedah, anggota-anggota Puteri Umno sering diganggu oleh penyokong parti pembangkang.

"Sebelum penamaan calon ini, Puteri dah buat program penerangan mengenai sumbang mahram dan program kebajikan... dia (penyokong pembangkang) kacau markas Puteri, dibaling dengan barang, tulis benda lucu dan bila naik motosikal lalu markas kami, (dia) memaki hamun," katanya.

Azalina sedih melihat sikap orang Melayu seperti itu dan berharap orang Melayu tidak membenci satu sama lain dengan begitu teruk sekali walaupun berbeza ideologi politik.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein kerana Pemuda akan bertanggungjawab sepenuhnya menjaga keselamatan anggota Wanita dan Puteri menjelang pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit pada 18 Julai ini.

Azalina yakin polis yang ditugaskan mengawal keadaan sepanjang pilihan raya kecil itu mampu memastikan ketenteraman awam dijamin.

Kedua-dua pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandanginya yang juga Presiden PAS Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lepas.

Mengenai pengganti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan perdana menteri selepas beliau menggantikan Dr Mahathir sebagai perdana menteri pada Oktober tahun depan, Azalina berkata Puteri Umno akur dan menyokong sesiapa sahaja yang dilantik ke jawatan nombor dua itu.

"Puteri percaya kepimpinan Umno matang dalam proses peralihan kuasa itu," katanya.

Dr Mahathir hari ini berkata di Bangkok bahawa Menteri Pertahanan yang juga Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak adalah calon yang paling layak memegang jawatan nombor dua itu kerana beliau yang paling kanan dan berpengalaman dalam kerajaan.

--BERNAMA

APG NAK